


Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Tingkat Bawah, Menara PTPTN,
Blok D, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur

Careline: 03-2193 3000
Portal Rasmi: www.ptptn.gov.my
Aduan: <https://eaduan.ptptn.gov.my>

BORANG PENDAFTARAN AKAUN AMANAH SIMPAN SSPN PRIME
BAHAGIAN 1 – BUTIRAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN/ RUMAH ANAK YATIM

Nama Pertubuhan											
Kategori Pertubuhan	<input type="checkbox"/> *Kerajaan (Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/JKM)					<input type="checkbox"/> **Swasta/ NGO/ Persendirian					
Nombor Pendaftaran ROS											
Tarikh Pendaftaran ROS											
No Perakuan JKM											
Tempoh Sah Pendaftaran JKM	Dari					Hingga					
Alamat											
Poskod						Bandar					
Negeri											
No. Telefon						E-mel					

Nota: * Merujuk pertubuhan kebajikan yang diurus sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau rumah kebajikan di Wilayah Persekutuan yang dikendalikan oleh JKM. Tidak perlu berdaftar dengan ROS dan/atau JKM.

**Merujuk pertubuhan kebajikan yang ditubuhkan oleh individu atau badan bukan kerajaan. Perlu berdaftar dengan ROS dan JKM.

BAHAGIAN 2 – MAKLUMAT PENGENDALI

Nama Pegawai											
Jawatan											
Jabatan/ Bahagian											
Alamat E-mel											
No. Telefon Pejabat						No. Telefon Bimbit					

BAHAGIAN 3 – MAKLUMAT BANK

Nama Akaun Pertubuhan											
Nama Bank											
No. Akaun Bank											

Nota: Sila sertakan salinan muka hadapan penyata/ buku akaun merujuk kepada pertubuhan rumah anak yatim bagi urusan ini.

BAHAGIAN 4 – PENGAKUAN PUSAT JAGAAN/ RUMAH ANAK YATIM/ PERTUBUHAN

PENGAKUAN											UNTUK KEGUNAAN PTPTN	
1. Kami mengesahkan maklumat yang diberikan adalah benar dan lengkap. 2. Kami sudah membaca dan memahami Terma dan Syarat Pendaftaran Akaun Amanah Simpan SSPN Prime dan bersetuju untuk mematuhi. 3. PTPTN berhak untuk menerima atau menolak permohonan ini. (Tandatangan dan Cop Pertubuhan) Tarikh :											Tarikh Terima :	
											<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>	
											Tandatangan dan Cop Pegawai :	
											PEGAWAI YANG MEREKOD	
											Nama :	
NO. SIRI PERTUBUHAN											PPN/PPC	

**TERMA DAN SYARAT PEMBUKAAN AKAUN SIMPAN SSPN PRIME BAGI
JENIS AKAUN AMANAH**

1. **Terma Dan Syarat Pembukaan Akaun Simpan SSPN Prime bagi Jenis Akaun Amanah seperti berikut :**
 - 1.1 Sesebuah rumah kebajikan/ anak yatim yang berhasrat untuk pembukaan akaun Simpan SSPN Prime jenis Akaun Amanah adalah wajib mematuhi kriteria kelayakan rumah anak yatim iaitu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
 - 1.2 Berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).
 - 1.3 Sekiranya tiada pendaftaran dibuat bagi perkara 1.1 dan 1.2 di atas maka akaun bagi jenis Akaun Amanah tidak boleh dilakukan.
 - 1.4 Rumah kebajikan/ anak yatim yang berada di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri, serta pertubuhan kebajikan di Wilayah Persekutuan yang berada di bawah pentadbiran JKM, adalah tidak tertakluk sepenuhnya kepada keperluan pendaftaran dengan JKM dan/atau ROS, memandangkan aspek pengurusan, operasi dan pemantauannya dilaksanakan di bawah tadbir urus pihak berkuasa masing-masing.

2. **Syarat-syarat penyertaan Simpan SSPN Prime bagi jenis Akaun Amanah adalah seperti berikut:**
 - 2.1 Pengetua/ pengusaha/ individu yang dilantik oleh pengurusan rumah kebajikan/rumah anak yatim yang menjadi **pendeposit** dan anak yatim yang menghuni di rumah rumah kebajikan/ rumah anak yatim tersebut pula adalah **penerima manfaat** kepada jenis Akaun Amanah Simpan SSPN Prime hendaklah berstatus warganegara Malaysia;
 - 2.2 Setiap pengetua/pengusaha/individu yang dilantik oleh pengurusan rumah kebajikan/ rumah anak yatim boleh membuka sehingga 99 akaun untuk penerima manfaat (anak yatim) yang menetap di sesebuah rumah anak yatim;
 - 2.3 Penerima manfaat (anak yatim) hendaklah berumur antara 1 hari hingga 18 tahun, tertakluk kepada had umur yang ditetapkan oleh pengurusan rumah kebajikan/rumah anak yatim berkenaan;
 - 2.4 Pendeposit dikehendaki melengkapkan Borang Permohonan Pembukaan Akaun Simpan SSPN Prime dan Borang Tambahan Penerima Manfaat untuk pembukaan akaun Simpan SSPN Prime penerima manfaat (anak-anak yatim yang menghuni di rumah kebajikan/rumah anak yatim tersebut).
 - 2.5 Pendeposit juga dikehendaki mengisi borang dan mengemukakan dokumen semasa pembukaan akaun seperti berikut:
 - a) Borang Pendaftaran Akaun Amanah Simpan SSPN Prime;
 - b) Borang Permohonan Pembukaan Akaun Simpan SSPN Prime;
 - c) Surat Akujanji Pembukaan Akaun Amanah Simpan SSPN Prime;
 - d) Surat pengesahan rasmi daripada MAIN atau JKM yang memperakukan pertubuhan di bawah kelolaan MAIN/JKM (mana yang berkaitan);
 - e) Salinan surat perakuan pendaftaran daripada JKM;
 - f) Salinan surat perakuan pendaftaran daripada ROS; dan
 - g) Salinan maklumat akaun bank pertubuhan.
 - 2.6 Pendeposit hendaklah memastikan perakuan pendaftaran rumah kebajikan/rumah anak yatim masih sah. Pembukaan Akaun Simpan SSPN Prime untuk penerima manfaat (anak-anak yatim yang menghuni di rumah rumah kebajikan/rumah anak yatim tersebut) hanya boleh dibuat dalam tempoh sah laku perakuan pendaftaran rumah kebajikan/rumah anak yatim.

2.7 Setelah semua dokumen lengkap maka PTPTN akan mengeluarkan surat makluman kelulusan pendaftaran pembukaan Akaun Amanah Simpan SSPN Prime kepada pengetua tersebut.

3. Tugas dan Tanggungjawab Pengetua/Pengusaha /Individu Yang Mewakili Rumah Anak Yatim/Pusat Jagaan Kanak-Kanak/Badan Kebajikan yang ingin membuka akaun/ menerima sumbangan pembukaan akaun Simpan SSPN Prime bagi jenis Akaun Amanah adalah seperti berikut:

- 3.1 Bertanggungjawab mengurus dan memastikan deposit dalam akaun jenis Akaun Amanah, diterima oleh penerima manfaat (anak yatim) tersebut;
- 3.2 Pihak pengetua/pengusaha/individu yang mewakili rumah anak yatim/badan kebajikan perlu memaklumkan kepada PTPTN yang berkaitan sekiranya penerima manfaat (anak yatim) telah tidak menetap di rumah anak yatim tersebut;
- 3.3 Pihak pengetua/ pengusaha/ individu yang mewakili rumah anak yatim/ badan kebajikan tersebut perlu memaklumkan kepada PTPTN sekiranya:
 - a) Penerima manfaat (anak yatim) telah tidak menghuni di rumah anak yatim;
 - b) Pengetua/ pengusaha/individu yang mewakili rumah anak yatim/penerima manfaat (anak yatim) telah meninggal dunia;
 - c) Berlaku pertukaran pengetua/pengusaha/individu yang mewakili rumah anak yatim;
 - d) Pengetua/ pengusaha/individu yang mewakili rumah anak yatim telah bersara;
 - e) Berlaku penutupan rumah anak yatim.
- 3.4 Membuka akaun bank atas nama pertubuhan rumah anak yatim/badan kebajikan.

4. Tugas dan Tanggungjawab Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Pengurusan Akaun Amanah :

- 4.1 PTPTN yang bertanggungjawab perlu mempunyai hubungan yang baik dengan pihak rumah anak yatim/ badan kebajikan.
- 4.2 PTPTN yang terlibat perlu menguruskan setiap permohonan pembukaan akaun/ penambahan deposit/ pengeluaran/ penutupan akaun/ tuntutan manfaat/ tuntutan insentif Geran Sepadan;
- 4.3 PPN, JOC Simpanan dan Seksyen CSR wajib membuat semakan/ mendapatkan bukti pendaftaran dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dari rumah anak yatim/ badan kebajikan tersebut.
- 4.4 PPN perlu mengemukakan statistik prestasi berserta rekod Akaun Amanah yang diuruskan oleh negeri masing-masing kepada JOC Simpanan.
- 4.5 Bagi permohonan pembukaan akaun atas nama sendiri oleh penerima manfaat (anak yatim) yang telah mencapai umur 16 tahun dan ke atas dengan persetujuan pendeposit (pengetua), PPN/PPC perlu menguruskan pembukaan akaun Simpan SSPN Prime jenis akaun Diri Sendiri dan membuat pelarasan deposit daripada akaun Simpan SSPN Prime lama (yang dibuka atas pengetua) ke akaun baharu yang dibuka tersebut.